



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### STEVEN SIM: BANK RAKYAT BIZMATCH TOKYO CATAT POTENSI URUS NIAGA MELEBIHI RM500 JUTA

---

**TOKYO, 11 JUN** – Lawatan rasmi YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jepun bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelaburan berskala besar dan syarikat multinasional, malah turut membuka peluang perniagaan baharu bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) Malaysia untuk mengembangkan pasaran mereka ke peringkat antarabangsa.

Selaras dengan aspirasi tersebut, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan PMKS Malaysia. Ketika dunia masih berdepan kesan Krisis Bekalan Global (KBG) akibat konflik geopolitik dan gangguan rantai bekalan antarabangsa, keutamaan KUSKOP bukan lagi sekadar membantu PMKS memulakan atau mengekalkan perniagaan, tetapi memastikan mereka mampu menembusi dan menguasai bahagian pasaran yang lebih besar di dalam serta luar negara.

Pendekatan strategik ini selari dengan kerangka ABCD KUSKOP, khususnya komponen D iaitu *Drive Market Access*, yang memberi penekanan kepada usaha memperluas akses pasaran, membina jaringan perniagaan antarabangsa dan membuka peluang eksport kepada syarikat Malaysia.

Usaha berterusan ini telah mula membuahkan hasil signifikan apabila sesi padanan perniagaan "*Make Malaysian Businesses Great*" yang diadakan sempena Makkah Halal Forum 2026 di Arab Saudi pada Februari lalu telah berjaya menjana potensi urus niaga bernilai sebanyak RM2 bilion.

Bagi meneruskan momentum tersebut, Bank Rakyat dengan sokongan KUSKOP telah menganjurkan program *Bank Rakyat BizMatch: Make Malaysian Businesses Great* di Tokyo sempena Nikkei Forum Future of Asia 2026.

Program ini menghimpunkan tujuh syarikat Malaysia bersama-sama 27 syarikat Jepun bagi meneroka peluang kerjasama serta pengembangan pasaran dalam pelbagai sektor termasuk makanan, pertanian, pembuatan berasaskan komoditi dan teknologi hijau.

Berdasarkan sesi padanan perniagaan dan perbincangan yang berlangsung pada 9 Jun lalu, program tersebut berpotensi menjana urus niaga melebihi RM500 juta dalam tempoh 12 bulan akan datang, tertakluk kepada rundingan lanjut, proses kelayakan produk, kelulusan kawal selia dan pemeteraian perjanjian komersial.

Dalam majlis yang sama, Bank Rakyat turut menyerahkan pembiayaan hampir RM300 juta kepada tujuh syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dalam program ini bagi menyokong pengembangan operasi, peningkatan kapasiti pengeluaran dan penerokaan pasaran baharu.

Gabungan akses kepada pembiayaan dan akses kepada pasaran merupakan antara strategi penting dalam melahirkan lebih banyak syarikat Malaysia yang mampu berkembang ke peringkat serantau dan global, sekali gus meningkatkan daya saing ekonomi negara.

**STEVEN SIM CHEE KEONG**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**11 JUN 2026**